

Polemik Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 (RUU IPCMC 2019) dan Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 (RUU IPCC 2020)

The Polemics of the Independent Police Complaints and Misconduct Commission (IPCMC) Bill 2019 and Independent Police Conduct Commission (IPCC) Bill 2020

*Augustine Leonard Jen**

Abstrak

Rang Undang-undang (RUU) Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 (RUU IPCC 2020) merupakan satu RUU yang digubal bagi menggantikan RUU Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 (RUU IPCMC 2019). RUU ini mengandungi 47 Fasal berbanding 60 Fasal dalam RUU sebelumnya. RUU IPCC 2020 ini digubal untuk mempertingkatkan integriti Polis Diraja Malaysia (PDRM), mengurangkan salah laku dalam kalangan anggota PDRM dan menggalakkan keyakinan orang awam terhadap pasukan polis. Namun, RUU IPCC 2020 masih lagi mengundang kontroversi dan konotasi negatif yang wajar diberi perhatian. Kertas melihat isu-isu berbangkit berkenaan kedua-dua RUU ini.

Kata kunci: IPCMC, IPCC, Polis, Salah Laku

Abstract

The Independent Police Conduct Commission (IPCC) Bill 2020 was enacted to replace the Independent Police Complaints and Misconduct Commission (IPCMC) Bill 2019. This Bill contains 47 Clauses compared to 60 Clauses in the previous Bill. The IPCC 2020 Bill was enacted to enhance the integrity of the Royal Malaysia Police (PDRM), reduce misconduct among PDRM members and encourage public confidence in the police force. However,

* Augustine Leonard Jen is Research Officer at the Parliament of Malaysia. Email: augustine@parlimen.gov.my

the IPCC 2020 Bill still invites controversy and negative connotations that deserve attention. This paper looks at the issues that have arisen regarding these two bills.

Keywords: *IPCMC, IPCC, Police, Misconduct*

Pengenalan

Pada 18 Julai 2019 Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 (RUU IPCMC) telah dibacakan buat kali yang pertama oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) semasa sesi Dewan Rakyat di Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua, Parlimen ke-14, empat belas tahun selepas Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia 2005 yang mengesyorkan penubuhan suatu badan pemantau bebas bagi menangani salah laku dalam kalangan anggota pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta menambah baik operasi serta pengurusan PDRM. IPCMC 2005 pertama kali dicadangkan oleh Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada tahun 2005, ketika pentadbiran Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi. IPCMC 2005 kemudiannya menjadi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) selepas mendapat bantahan keras oleh pasukan polis di bawah Ketua Polis Negara pada waktu itu, Tan Sri Musa bin Tan Sri Hj. Hassan.

IPCMC 2019 dicadangkan bagi menggantikan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) dan berperanan yang mengawal selia 21 agensi penguatkuasaan termasuk PDRM melalui Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700]. Akta 700 telah diwartakan pada 3 September 2009 dan berkuat kuasa pada 1 April 2011. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai persepsi negatif orang awam terhadap EAIC yang dikatakan tidak efektif dan berkesan kerana syor-syor yang dibuat EAIC tidak mengikat Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) agensi-agensi penguatkuasaan berkenaan. Oleh itu, terdapat desakan daripada pihak yang berkepentingan dan orang awam yang mencadangkan agar IPCMC ditubuhkan. RUU IPCMC 2019 kemudiannya dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang untuk diteliti. Sebelum dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang, RUU IPCMC mengandungi 24 pindaan. Setelah dirujuk kepada Jawatankuasa, terdapat penambahan 13 pindaan menjadikan jumlah keseluruhan 37 pindaan.

Jadual 1. RUU IPCC 2020 vs RUU IPCMC 2019

	Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 (RUU IPCMC 2019)	Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 (RUU IPCC 2020)
Bacaan Pertama	18 Julai 2019	26 Ogos 2020
Bacaan Kali Kedua dan Ketiga¹	7 Oktober 2019	—
Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang² dibentangkan	27 November 2019	—
Ditarik Balik	26 Ogos 2020	—
Bilangan Fasal	60	47

Ringkasan Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020

Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis. Matlamat Akta yang dicadangkan adalah untuk mempertingkatkan integriti pasukan polis, mengurangkan salah laku dalam kalangan anggota pasukan polis dan menggalakkan keyakinan orang awam terhadap pasukan polis. RUU IPCC 2020 dilihat akan dapat membantu mencapai matlamat untuk pelaksanaan dan pentadbiran sistem perundangan yang lebih adil di samping memelihara kebebasan asasi individu sebagaimana yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Namun demikian, perkara ini tidak dinyatakan secara jelas dalam RUU IPCC 2020.

- 1 Dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang berdasarkan kepada Peraturan Mesyuarat 54(2)'. Lihat DR Deb 17 Oktober 2019, Bil 33, 111 <<https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-07102019.pdf>>.
- 2 Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang, *Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis* (DR 2018-2023, DR.10/2019) <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2019-11-27/DR.10.2019%20-%20DR.10%20Tahun%202019%20-%20Laporan%20Jawatankuasa%20Pilihan%20Khas%20Menimbang%20Rang%20Undang-Undang%20Suruhanjaya%20Bebas%20Aduan%20Salah%20Laku%20Poli.1.pdf>> dicapai 20 April 2022.

Peruntukan dalam RUU IPCC 2020 lebih adil tanpa menjejaskan kepentingan pengadu, penyiasat dan individu dituduh.³ Berbanding dengan RUU IPCMC 2019, RUU ini mengundang bantahan dalam kalangan warga PDRM kerana memperuntukkan kuasa kepada Suruhanjaya terbabit untuk menjalankan siasatan, apatah lagi mengambil tindakan terhadap pihak yang terbabit. RUU IPCC 2020 mengandungi 47 fasal memperlihatkan satu perubahan utama apabila sebarang tindakan selepas mempertimbangkan dapatan dan syor jawatankuasa aduan akan dilakukan agensi berkaitan, mengikut bidang kuasa masing-masing. RUU IPCC juga tidak memperuntukkan sebarang kuasa kepada Suruhanjaya untuk mengambil tindakan.

Jadual 2. Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020

Bahagian	Perkara	Seksyen
1	<p>Permulaan – Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan ketidakpaksaan; Matlamat; Tafsiran</p> <p>Bahagian I Akta yang dicadangkan memperkatakan perkara permulaan.</p> <p>Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.</p> <p>Fasal 2 mengandungi tafsiran bagi takrif dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.</p>	1 hingga 2
2	<p>Bahagian II Akta yang dicadangkan memperkatakan penubuhan, fungsi dan kuasa Suruhanjaya.</p> <p>Fasal 3 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya.</p> <p>Fasal 4 dan 5 memperkatakan fungsi dan kuasa Suruhanjaya.</p> <p>Fasal 6 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi anggota Suruhanjaya.</p> <p>Fasal 7 mengandungi peruntukan mengenai tempoh jawatan anggota Suruhanjaya.</p> <p>Fasal 8 mengadakan peruntukan bagi pembayaran saraan dan elaun kepada anggota Suruhanjaya.</p>	3 hingga 13

3 L.A. Abdul Karim, 'IPCC tampil kelainan berbanding IPCMC' *BH Online* (26 Ogos 2020) <<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/08/724825/ipcc-tampil-kelainan-berbanding-ipcmc>> dicapai 20 April 2022.

Bahagian	Perkara	Seksyen
	<p>Fasal 9 menyatakan hal keadaan yang baginya jawatan anggota Suruhanjaya menjadi kosong.</p> <p>Fasal 10 mengandungi peruntukan mengenai mesyuarat Suruhanjaya.</p> <p>Fasal 11 menyatakan hal keadaan yang baginya Timbalan Pengerusi atau anggota Suruhanjaya lain boleh menjalankan fungsi Pengerusi.</p> <p>Fasal 12 memperuntukkan bahawa anggota Suruhanjaya hendaklah menzahirkan kepentingannya mengenai apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Suruhanjaya atau dalam apa-apa perbincangan di hadapan Suruhanjaya.</p> <p>Fasal 13 menyatakan bahawa fungsi dan kuasa Suruhanjaya boleh dijalankan oleh mana-mana anggota Suruhanjaya, mana-mana pegawai Suruhanjaya, mana-mana jawatankuasa atau mana-mana anggota pasukan polis.</p>	
3	<p>Bahagian III Akta yang dicadangkan memperkatakan pentadbiran Suruhanjaya.</p> <p>Fasal 14 bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk melantik seorang Setiausaha yang akan menjadi ketua pegawai eksekutif.</p> <p>Fasal 15 menyatakan hal keadaan yang baginya Suruhanjaya boleh, dengan persetujuan Menteri, melantik mana-mana pegawai Suruhanjaya untuk menjalankan fungsi Setiausaha buat sementara waktu.</p> <p>Fasal 16 bertujuan untuk memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk melantik mana-mana orang untuk menjadi pegawai Suruhanjaya.</p> <p>Fasal 17 bertujuan untuk memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk mengambil khidmat perunding untuk membantu Suruhanjaya melaksanakan fungsi dan kuasanya.</p> <p>Fasal 18 bertujuan untuk membenarkan Suruhanjaya menubuhkan jawatankuasa untuk membantu Suruhanjaya.</p> <p>Fasal 19 mengadakan peruntukan mengenai pengeluaran kad kuasa kepada anggota Suruhanjaya dan pegawai Suruhanjaya.</p>	14 hingga 21

Bahagian	Perkara	Seksyen
	<p>Fasal 20 bertujuan untuk membenarkan Suruhanjaya membuat perkiraan dengan jabatan kerajaan atau pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun untuk menggunakan kakitangan atau kemudahannya dan membuat perkiraan dengan pasukan polis bagi anggota pasukan polis untuk bekerjasama atau membantu Suruhanjaya melaksanakan fungsinya.</p> <p>Fasal 21 bertujuan untuk membenarkan Suruhanjaya untuk bekerjasama dengan mana-mana agensi penguatkuasaan lain, jabatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan orang lain untuk melaksanakan fungsinya.</p>	
4	<p>Bahagian IV Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pengurusan aduan oleh Suruhanjaya.</p> <p>Fasal 22 memperuntukkan bahawa Suruhanjaya boleh menerima aduan atau menguruskan aduan yang dirujuk kepadanya mengenai salah laku.</p> <p>Subfasal 22(2) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa salah laku tidak termasuk apa-apa tindakan yang dikawal selia di bawah seksyen 96 dan 97 Akta Polis 1967.</p> <p>Fasal 23 mengadakan peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa Aduan.</p> <p>Fasal 24 menyatakan cara untuk membuat aduan terhadap mana-mana anggota pasukan polis.</p> <p>Fasal 25 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengelasan aduan.</p> <p>Fasal 26 bertujuan untuk mengenakan kewajipan ke atas pasukan polis untuk merujuk kepada Suruhanjaya mengenai apa-apa kejadian yang melibatkan jenayah seksual atau apa-apa kejadian yang mengakibatkan cedera parah atau kematian terhadap mana-mana orang yang pada masa itu, orang itu berada dalam tahanan atau jagaan anggota pasukan polis.</p>	22 hingga 26

Bahagian	Perkara	Seksyen
5	<p>Bahagian V Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan mengenai kuasa penyiasatan oleh Suruhanjaya dan pegawai Suruhanjaya.</p> <p>Fasal 27 memperkatakan kuasa pegawai Suruhanjaya untuk mengeluarkan notis bertulis untuk memerintahkan mana-mana orang untuk hadir di hadapan pegawai itu untuk diperiksa secara lisan, atau untuk memerintahkan mana-mana orang untuk memberikan suatu pernyataan bersumpah bagi maksud penyiasatan itu.</p> <p>Fasal 28 memperkatakan kuasa Suruhanjaya untuk mendapatkan dokumen atau benda lain daripada seseorang bagi maksud penyiasatan.</p> <p>Fasal 29 menghendaki pegawai Suruhanjaya untuk menyerahkan dapatannya mengenai penyiasatan kepada Jawatankuasa Aduan untuk membolehkan Jawatankuasa Aduan menimbangkan dapatan dan mengemukakan syor kepada Suruhanjaya.</p> <p>Fasal 30 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tindakan yang perlu diambil oleh Suruhanjaya selepas menimbangkan syor Jawatankuasa Aduan seperti yang berikut:</p> <p>(a) merujuk apa-apa aduan salah laku yang diterima olehnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia jika kesalahan adalah di bawah Bahagian IV Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009;</p> <p>(b) merujuk dapatan kepada pihak berkuasa berkaitan mengenai apa-apa dapatan salah laku yang bersifat jenayah yang diterimanya atau dirujuk kepadanya;</p> <p>(c) merujuk apa-apa dapatan salah laku kepada Suruhanjaya Pasukan Polis; dan</p> <p>(d) merekodkan dapatan jika dapatan tidak menzahirkan perbuatan salah laku.</p> <p>Suruhanjaya boleh mengarahkan Pasukan Petugas untuk membuat penyiasatan lanjut jika Suruhanjaya tidak berpuas hati dengan apa-apa dapatan atau syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Aduan. Suruhanjaya hendaklah memaklumkan pengadu mengenai tindakan yang telah diambil ke atas aduannya.</p>	27 hingga 32

Bahagian	Perkara	Seksyen
	<p>Fasal 31 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Pasukan Petugas bagi maksud penyiasatan salah laku mana-mana anggota pasukan polis.</p> <p>Fasal 32 bertujuan untuk membolehkan Suruhanjaya memulakan penyiasatan salah laku atas inisiatifnya sendiri</p>	
6	<p>Bahagian VI mengandungi peruntukan mengenai kesalahan.</p> <p>Fasal 33 menjadikannya suatu kesalahan bagi seseorang yang mengugut, menghina atau mencederakan mana-mana orang yang memberikan keterangan di hadapan Suruhanjaya.</p> <p>Fasal 34 menjadikannya suatu kesalahan bagi seseorang yang memberikan maklumat palsu kepada Suruhanjaya.</p>	33 hingga 34
7	<p>Bahagian VII mengandungi peruntukan pelbagai.</p> <p>Fasal 35 mengadakan peruntukan bagi perkongsian apa-apa maklumat umum antara Suruhanjaya dengan pasukan polis atau mana-mana pihak berkuasa berkaitan yang berhubungan dengan fungsi dan kuasa Suruhanjaya.</p> <p>Fasal 36 mengadakan peruntukan bagi perlindungan Suruhanjaya, anggota Suruhanjaya dan pegawai Suruhanjaya termasuklah mana-mana orang yang bertindak di bawah arahan Suruhanjaya daripada apa-apa tindakan, liabiliti, tuntutan atau permintaan. Ia juga memperuntukkan bahawa tiada keterangan, dokumen atau dapatan Suruhanjaya boleh diterima dalam mana-mana tindakan sivil atau jenayah terhadap orang yang memberikan keterangan itu.</p> <p>Fasal 37 memperkatakan peruntukan kewangan Suruhanjaya.</p> <p>Fasal 38 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 hendaklah terpakai bagi Suruhanjaya.</p> <p>Fasal 39 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Suruhanjaya dikehendaki untuk mengemukakan dan membentangkan laporan tahunan di Parlimen.</p>	35 hingga 42

Bahagian	Perkara	Seksyen
	<p>Fasal 40 memperuntukkan bahawa peruntukan bagi Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 hendaklah terpakai bagi Suruhanjaya dan pegawainya.</p> <p>Fasal 41 memperuntukkan bahawa tiap-tiap anggota Suruhanjaya dan pegawai Suruhanjaya hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan semasa menjalankan kewajipannya.</p> <p>Fasal 42 melarang penzahiran maklumat yang berhubungan dengan hal ehwal Suruhanjaya.</p> <p>Fasal 43 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi permulaan dan perjalanan pendakwaan.</p> <p>Fasal 44 mengadakan peruntukan bagi perlindungan kepada orang yang membantu Suruhanjaya.</p> <p>Fasal 45 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tanggungjawab pasukan polis untuk bekerjasama dengan dan membantu Suruhanjaya, termasuklah memberikan apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.</p> <p>Fasal 46 bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan.</p> <p>Fasal 47 mengandungi peruntukan peralihan berbangkit daripada penubuhan Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis.</p>	

Isu-isu Berbangkit Berkaitan Rang Undang-undang (RUU) Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC)

Polemik berkaitan dengan isu ini bermula sejak Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia 2005 dibentangkan kepada umum. Terdapat beberapa isu yang dibangkitkan berkenaan RUU IPCC 2020 oleh Organisasi Masyarakat Sivil (CSO), Badan Bukan Kerajaan (NGO), media dan pihak berkepentingan lain. Berikut adalah antara kupasan terpilih berkenaan RUU IPCC 2020.

i. Pemerksaan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC/ SIAP) dan Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP)

Antara isu yang dibangkitkan, sebab-musabab Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan tidak diperkasakan untuk membawa fungsi-

fungsi seperti yang terkandung dalam RUU IPCMC 2019 dan RUU IPCC 2020. Turut dibangkitkan, sebab-musabab PDRM memerlukan satu Suruhanjaya khusus untuk menangani isu-isu berkaitan dengan aduan salah laku, siasatan salah laku, prosiding untuk menangani salah laku dan sebagainya serta mengenai perkara lain yang berkaitan dengannya.

Persoalan juga mula timbul, sebab-musabab EAIC atau SPP tidak diperkasakan/ditambah fungsinya/kuasanya untuk menjalankan fungsi-fungsi seperti mana yang terkandung dalam RUU IPCMC 2019 dan RUU IPCC 2020. Hal ini disebabkan kerana pewujudan satu Suruhanjaya baru akan melibatkan implikasi kewangan yang besar kepada kerajaan. Persoalan yang diajukan adalah, “Adakah ‘pelaburan’ ini berbaloi?”

ii. Ombudsman

Rang Undang-undang Ombudsman Malaysia bakal diperkenalkan tidak lama lagi bagi menggantikan Biro Pengaduan Awam (BPA).⁴ Perkara ini dibangkitkan atas alasan mekanisme Ombudsman⁵ tidak diguna pakai untuk menangani isu-isu berkaitan dengan aduan salah laku, siasatan salah laku dan prosiding untuk menangani salah laku seperti yang dipraktikkan oleh Ireland Utara dan Belanda.

iii. Syor-syor Berkaitan dengan Akta

Menurut Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), RUU IPCC 2020 tidak merangkumi inti pati RUU IPCMC 2019 serta syor Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia 2005.⁶ SUHAKAM juga menyatakan kebimbangan dengan kurangnya kebebasan dan kelemahan fungsi IPCC kerana ia tidak diberikan kuasa tatatertib bagi menangani salah laku polis. Setiausaha IPCC akan dilantik oleh Menteri Dalam Negeri dan pegawai-pegawai IPCC juga dilantik secara pinjaman dari mana-mana agensi Kerajaan untuk menjadi pegawai penyiasat. Tambahan pula, penurunan kuasa IPCC kepada mana-mana

4 ‘Lebih 100 Undang-Undang Akan Digubal, Pinda, Perbaharui Atau Mansuh’ *BERNAMA* (23 Januari 2019) <<https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1687925>> dicapai 20 April 2022.

5 Sebagai contoh, *The Office of the Police Ombudsman for Northern Ireland dan National Ombudsman*, Belanda.

6 SUHAKAM, ‘Media Statement Human Rights Commission Of Malaysia’ (SUHAKAM, 27 Ogos 2020) <<https://suhakam.org.my/2020/08/press-statement-no-24-of-2020-suhakam-expresses-its-concerns-on-the-ipcc-bill-2020/>> dicapai 28 Ogos 2020.

anggota pasukan polis boleh membawa kepada isu konflik kepentingan dari aspek fungsi yang dinyatakan dalam RUU serta kebebasan IPCC. Justeru, SUHAKAM menegaskan seruannya untuk penubuhan badan bebas bagi meningkatkan akauntabiliti pasukan polis dan menyediakan sistem semak dan imbang sebagai mekanisme pengawasan.

iv. Perbandingan antara Fasal 30 RUU IPCC⁷ dengan Fasal 31 RUU IPCMC⁸ berkenaan dengan kuasa Suruhanjaya

The amendment in the IPCC Act puts the power to decide on penalties (or whether to take any action at all) in the hands of the Police Force Commission, which is not independent of the police. Hence, regardless how strong the evidence and findings of a comprehensive investigation carried out by the IPCC, the findings cannot be referred to the Attorney General's Chambers, Parliament or any panel within the IPCC itself to take necessary action. This is as good as allowing the police to review findings and decide penalties for its own members.

-
- 7 Lihat RUU IPCC – Fasal 30. (1) Selepas menimbangkan dapatan dan syor oleh Jawatankuasa Aduan di bawah subseksyen 29(2), Suruhanjaya hendaklah mengambil tindakan yang berikut: (a) jika dapatan menzahirkan apa-apa kesalahan di bawah Bahagian IV Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, merujuk dapatan itu kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia; (b) jika dapatan menzahirkan apa-apa kesalahan jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, merujuk dapatan itu kepada pihak berkuasa berkaitan; (c) jika dapatan menzahirkan apa-apa salah laku, merujuk dapatan salah laku itu kepada Suruhanjaya Pasukan Polis dengan syor untuk tindakan tatatertib; dan (d) jika dapatan menzahirkan tiada salah laku, menolak aduan itu dan memaklumkan Ketua Jabatan yang berkaitan. (2) Jika Suruhanjaya tidak berpuas hati dengan dapatan dan syor oleh Jawatankuasa Aduan di bawah subseksyen 29(2), Suruhanjaya boleh mengarahkan Pasukan Petugas untuk membuat penyiasatan lanjut. (3) Suruhanjaya hendaklah merekodkan dapatan yang disebut dalam subseksyen (1) dan memaklumkan pengadu tentang tindakan yang telah diambil ke atas aduan itu.
- 8 31. (1) Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa tatatertib ke atas apa-apa salah laku yang dilakukan oleh mana-mana anggota pasukan polis. (2) Suruhanjaya boleh menjalankan bidang kuasa tatatertib ke atas apa-apa aduan berkenaan dengan salah laku mana-mana anggota pasukan polis. (3) Suruhanjaya hendaklah menubuhkan Lembaga Tatatertib yang mempunyai bidang kuasa, dan terdiri daripada anggota, sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual. (4) Walau apa pun subseksyen (3), jika aduan salah laku itu adalah terhadap Ketua Polis Negara, Ketua Setiausaha Negara hendaklah menubuhkan suatu Lembaga Tatatertib Khas untuk mendengar aduan itu dan prosiding di hadapan Lembaga Tatatertib Khas itu hendaklah dijalankan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan.

Sorotan literatur terhadap polemik ini juga mendapati, “Mengapakah RUU IPCC tidak diberikan kuasa tata tertib bagi menangani salah laku polis?”

v. Fasal 13, 14 dan Fasal 16 RUU IPCC

The Secretary of IPCC is to be appointed by the Minister in charge of Home Affairs and the officers of IPCC may be appointed from any government agencies on secondment basis to be its investigators. Moreover, the delegation of IPCC’s powers to any members of the police may also raise issues of conflict of interest in terms of the IPCC’s stated functions in the Bill and its independence.⁹

Some of the bill’s provisions raise serious concerns about the commission’s independence, Human Rights Watch¹⁰ said. Under the draft law, the home affairs minister would appoint the secretary of the commission and issue regulations governing the commission’s procedures.

Pelantikan Setiausaha Suruhanjaya oleh Menteri Dalam Negeri boleh membawa kepada isu konflik kepentingan dari aspek fungsi¹¹ yang dinyatakan dalam RUU IPCC 2020 serta kebebasan Suruhanjaya itu sendiri. Pada masa yang sama, penurunan kuasa IPCC kepada mana-mana anggota pasukan polis juga boleh membawa kepada isu konflik kepentingan dari aspek fungsi yang dinyatakan dalam RUU serta kebebasan IPCC.

vi. Pelantikan Ahli Suruhanjaya

Ketiadaan peruntukan fasal seperti tertera di bawah (merujuk Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009) dalam RUU IPCC 2020 juga turut menjadi perhatian oleh *Human Rights Watch*. Menurut artikel yang ditulis:

9 Lihat Human Rights Watch, ‘Malaysia: Proposed Law Reverses Police Reforms’ (Human Rights Watch, 28 Oktober 2020) <<https://www.hrw.org/news/2020/08/28/malaysia-proposed-law-reverses-police-reforms>> dicapai 20 April 2022.

10 *ibid.*

11 Lihat RUU IPCC 2020 Fasal 4. Fungsi Suruhanjaya adalah seperti yang berikut: (a) untuk menggalakkan integriti dalam kalangan anggota pasukan polis; (b) untuk menasihati Kerajaan dan membuat syor berhubung dengan langkah-langkah yang sesuai untuk diambil dalam menggalakkan integriti dalam kalangan anggota pasukan polis; (c) untuk melindungi kepentingan orang awam melalui penanganan salah laku mana-mana anggota pasukan polis; dan (d) untuk membentuk dan mengadakan mekanisme bagi menerima aduan dan menyalurkan salah laku oleh mana-mana anggota pasukan polis.

*Unlike both the prior bill and the EAIC, the draft law does not bar the appointment of former police officers or current government officials to the commission.*¹²

RUU IPCC 2020

(2) Tiada seorang pun boleh dilantik sebagai anggota Suruhanjaya jika dia ialah atau pernah menjadi seorang anggota pasukan polis atau dia ialah seorang anggota perkhidmatan awam.

Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009

(2) Tiada seorang pun boleh layak dilantik sebagai Pesuruhjaya jika dia ialah atau pernah menjadi seorang pegawai penguat kuasa.

vii. Keperluan untuk Notis

Sebagai sebuah badan bebas, Suruhanjaya berhak mengadakan lawatan mengejut ke tempat-tempat dan premis tanpa notis, untuk melihat sendiri keadaan asal tempat dan premis tersebut. Namun, menurut Fasal 5(2)(b) seperti yang dinyatakan dalam RUU IPCC 2020:

(b) membuat lawatan ke mana-mana tempat dan premis seperti balai polis, rumah kakitangan polis, lokap dan pusat tahanan dengan memberikan notis awal kepada Ketua Jabatan yang berkaitan dan membuat apa-apa syor yang perlu;

Keperluan notis berkemungkinan menjejaskan fungsi Suruhanjaya seperti tertera dalam Fasal 4 iaitu:

4. Fungsi Suruhanjaya adalah seperti yang berikut:

- (a) menggalakkan integriti dalam kalangan anggota pasukan polis;*
- (b) menasihati Kerajaan dan membuat syor berhubung dengan langkah-langkah yang sesuai untuk diambil dalam menggalakkan integriti dalam kalangan anggota pasukan polis;*
- (c) melindungi kepentingan orang awam melalui penanganan salah laku mana-mana anggota pasukan polis; dan*
- (d) membentuk dan mengadakan mekanisme bagi menerima aduan dan menyasat salah laku oleh mana-mana anggota pasukan polis.*

12 Human Rights Watch (n 9).

viii. Fasal 22, 22(2) dan 27(4)(a) & (b)

Memetik artikel yang dikeluarkan oleh Persatuan Aliran Kesedaran Negara, artikel tersebut menyatakan:

*With the inclusion of this sections in the IPCC Bill, the commission will be worse than the existing mechanisms under the Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC) as investigation for key misconduct does not include acts covered by the inspector general's standing orders, police officers can **refuse to answer based on a subjective and arbitrary excuse**, and there is no power for the commission to ensure its recommendations are implemented.¹³ The IPCC has been modified to narrow the scope of powers and jurisdiction of the commission.*

Justeru, perkara berbangkit mengenai kategori-kategori Skop Salah Laku tidak diperincikan dalam RUU IPCC 2020 telah menjadi satu polemik. Menurut syor Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 bersetuju peranan JIPS dan kawalan tatatertib PBT PDRM masih relevan sebagaimana pengesyoran dengan cadangan pindaan seperti yang berikut:

- (a) subfasal 22(2) untuk memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk menetapkan mana-mana tatakelakuan yang boleh dikategorikan sebagai salah laku kecil dan pindaan selanjutnya untuk memperincikan secara jelas dan nyata jenis-jenis salah laku kecil;
- (b) fasal 25 dipinda dengan memasukkan perenggan (d) dalam fasal 25 bagi membolehkan IPCMC merujuk aduan salah laku kecil kepada Ketua Jabatan PDRM bagi tujuan penyiasatan;
- (c) fasal 31 dipinda dengan memasukkan subfasal (5) yang baharu untuk memberikan Suruhanjaya kuasa untuk melantik mana-mana anggota PDRM untuk menjalankan bidang kuasa tatatertib atas aduan salah laku kecil; dan
- (d) fasal 34 dipinda dengan memasukkan perenggan subfasal (2) yang baharu untuk memberi mana-mana anggota PDRM yang

13 Lihat 'New' IPCC an attempt to mislead Malaysia' (*ALIRAN*, 3 September 2020) <<https://m.aliran.com/civil-society-voices/new-ipcc-an-attempt-to-mislead-malaysia>> dicapai 20 April 2022.

dilantik untuk menjalankan fungsi kawalan tatatertib atas aduan salah laku kecil.

Oleh itu, timbul persoalan, mengapa terdapat pengecualian untuk Fasal 22(2) RUU IPCC 2020 di bawah Seksyen 96 dan 97 Akta Polis 1967?¹⁴ Turut dibangkitkan, mengapa terdapat klausa untuk enggan menjawab soalan atau mendedahkan maklumat sensitif seperti yang tertera di dalam Fasal 27(4)(a) & (b) RUU IPCC 2020?

ix. Ketiadaan Fasal 31 RUU IPCMC 2019

Perkara berkenaan Fasal 31 RUU IPCMC 2019 telah dibangkitkan kerana tidak terdapat dalam RUU IPCC 2020. Ketiadaan Fasal 31 berkaitan dengan Kuasa Tatatertib untuk Suruhanjaya yang bakal ditubuhkan sedikit sebanyak menjejaskan fungsi dan tujuan Suruhanjaya ini ditubuhkan.

Menurut Fasal 31, RUU IPCMC 2019 menyatakan:

Kuasa tatatertib

31. (1) *Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa tatatertib ke atas apa-apa salah laku yang dilakukan oleh mana-mana anggota pasukan polis.*

14 Lihat Akta Polis 1967 [Akta 344]. Peraturan-Peraturan Polis 96. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh membuat peraturan-peraturan yang bernama "Peraturan-Peraturan Polis" yang tidak berlawanan dengan Akta ini. (2) Khususnya dan tanpa menyentuh keluasan yang tersebut di atas, Yang di-Pertuan Agong boleh membuat Peraturan-Peraturan Polis, berhubungan dengan semua atau mana-mana perkara berikut: (a) kenaikan pangkat dan penurunan pangkat; (b) disiplin, termasuk pentakrifan kesalahan disiplin, prosedur disiplin dan mengawal selia dan melaksanakan hukuman; (c) kenaikan pangkat dan peperiksaan kemahiran; (d) perihal dan pengeluaran senjata, amunisi, perlengkapan, pakaian seragam dan keperluan untuk dibekalkan kepada anggota Pasukan dan kepada anggota badan lain yang ditubuhkan atau didirikan untuk menjalankan tugas polis di bawah Akta ini; (e) kebenaran untuk tidak hadir; (f) bayaran yang dikenakan kepada anggota awam atau pihak berkuasa berkanun bagi perkhidmatan tambahan dan khas oleh polis dan untuk salinan laporan, pelan dan gambar foto yang dibuat oleh pegawai polis; semua perkara yang, di bawah Akta ini, boleh diperuntukkan atau ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan Polis dan Perintah Tetap 97. Ketua Polis Negara boleh mengeluarkan perintah pentadbiran, bernama "Perintah Tetap", yang tidak berlawanan dengan Akta ini atau dengan kaedah-kaedah atau Peraturan-Peraturan Polis yang dibuat di bawahnya, untuk kawalan dan arahan dan maklumat am Pasukan dan semua badan yang ditubuhkan atau didirikan untuk menjalankan tugas polis di bawah Akta ini.

- (2) *Suruhanjaya boleh menjalankan bidang kuasa tatatertib atas apa-apa aduan berkenaan dengan salah laku mana-mana anggota pasukan polis.*
- (3) *Suruhanjaya hendaklah menubuhkan Lembaga Tatatertib yang mempunyai bidang kuasa, dan terdiri daripada anggota, sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.*
- (4) *Walau apa pun subseksyen (3), jika aduan salah laku itu terhadap Ketua Polis Negara, Ketua Setiausaha Negara hendaklah menubuhkan suatu Lembaga Tatatertib Khas untuk mendengar aduan itu dan prosiding di hadapan Lembaga Tatatertib Khas itu hendaklah dijalankan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan.*

x. Fasal 28(6) RUU IPCC 2020

Fasal 28(6) memperkatakan kuasa Suruhanjaya untuk mendapatkan dokumen atau benda lain daripada seseorang bagi maksud penyiasatan di mana persoalan yang mungkin timbul – Adakah Fasal tersebut tidak akan disalahgunakan (*abuse*) untuk mengelakkan mana-mana pihak daripada mengemukakan apa-apa dokumen yang boleh membantu siasatan?

(6) Jika mana-mana anggota pasukan polis atau pegawai badan awam berpendapat bahawa suatu dokumen atau benda lain yang diminta oleh Suruhanjaya itu mengandungi maklumat yang akan memudaratkan keselamatan negara atau kepentingan negara, anggota pasukan polis atau pegawai badan awam itu hendaklah mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan masing-masing sebelum mengemukakan dokumen atau benda lain itu kepada Suruhanjaya.

xi. Mekanisme terhad untuk menerima aduan

Turut dibangkitkan, mengapakah saluran aduan menjadi terhad? Bagi menjawab persoalan ini, penelitian dibuat terhadap rumusan Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019, Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan supaya Suruhanjaya melaksanakan mekanisme pengurusan aduan yang lebih komprehensif melibatkan tapisan aduan-aduan sebagaimana dipraktikkan oleh IOPC melalui *Statutory Guidance* dan digubal sebagai peraturan (*regulation*) di bawah fasal 50 RUU IPCMC 2019 untuk menangani aduan berbentuk tohmahan yang tidak berasas terhadap anggota PDRM.

RUU IPCMC 2019

Aduan terhadap pasukan polis

24. (1) *Apa-apa aduan yang dibuat oleh mana-mana orang terhadap pasukan polis atau anggota pasukan polis hendaklah dibuat **secara bertulis** dan ditujukan kepada Jawatankuasa Aduan.*

RUU IPCMC 2019 -- Pindaan dalam Jawatankuasa

9. Fasal 24 Rang Undang-undang dipinda –
- (a) dalam subfasal (1), dengan memotong perkataan “**secara bertulis**”;
dan
 - (b) dengan memotong subfasal (4).

Perenggan 9 bertujuan untuk meminda subfasal 24(1) untuk membolehkan orang awam untuk membuat aduan melalui pelbagai cara.

RUU IPCC 2020

Aduan terhadap anggota pasukan polis

24. (1) *Apa-apa aduan yang dibuat oleh mana-mana orang terhadap anggota pasukan polis hendaklah dibuat **secara bertulis** dan ditujukan kepada Jawatankuasa Aduan.*

xii. Kuasa Menahan

IPCC sebagai badan bebas sewajarnya mempunyai kuasa terhadap PDRM untuk menjalankan fungsi dan tanggungjawab dengan berkesan. Ketiadaan peruntukan seperti Fasal 29(3) IPCMC 2019 berkemungkinan menyebabkan fungsi Suruhanjaya tidak dapat dijalankan dengan berkesan.

RUU IPCMC

Fasal 29(3) Bagi maksud menyasat apa-apa insiden di bawah seksyen 47, anggota Pasukan Petugas hendaklah mempunyai semua kuasa penyiasatan sebagaimana yang terkandung dalam Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] dan kuasa sedemikian hendaklah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan tidak mengurangkan kuasanya di bawah Akta ini.

xiii. Hak-hak Anggota Polis

Ketiadaan Fasal berkenaan Hak-hak Anggota Polis yang diasiat mengikut RUU IPCC 2020 tidak dinyatakan secara jelas dalam RUU IPCC 2020. Persoalan yang timbul:

- i. Adakah pegawai yang diasiat diberi hak tertentu?
- ii. Apakah hak pegawai di bawah prosiding tatatertib dijamin oleh Rang Undang-undang itu?
- iii. Adakah aturan keadilan semula jadi (*rule of natural justice*) terpakai?
- iv. Apakah status *Police Bill of Right* dalam pelaksanaan RUU IPCC 2020?

Namun, apabila penelitian dibuat terhadap Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019, Jawatankuasa bersetuju bahawa prinsip *natural justice* perlu dipatuhi tetapi tiada keperluan untuk menggubal *Bill of Rights* sebagai sebahagian daripada RUU IPCMC 2019 memandangkan IPCMC menerima pakai Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] dengan ubah suaian yang sewajarnya dalam usaha mengendalikan prosiding tatatertib terhadap anggota PDRM. Jawatankuasa juga bersetuju dengan pengesyoran supaya fasal 35, 36 dan 37 yang baharu dimasukkan bagi memberikan hak kepada mana-mana anggota PDRM yang terkilang dengan keputusan PBT PDRM untuk merayu ke Lembaga Rayuan Tatatertib Salah Laku Kecil IPCMC dengan syarat salah laku kecil itu diberikan tafsiran yang nyata dan jelas. Jawatankuasa seterusnya berpandangan bahawa terdapat keperluan untuk memasukkan mekanisme berkenaan rayuan bagi kes-kes selain salah laku kecil.¹⁵

xiv. Isu Keanggotaan, Kebajikan dan Prasarana Kerja

Menurut Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja Penambahbaikan Pasukan Polis 2005, antara cadangan RCI berkenaan adalah untuk memperkukuh pasukan polis dari segi kebajikan dan prasarana kerja serta hal-hal lain, termasuk meningkatkan jumlah keanggotaan.

Salah laku anggota mungkin berpunca daripada isu Keanggotaan, Kebajikan dan Prasarana Kerja yang menyebabkan moral anggota-

15 Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang (n 2).

anggota yang berkhidmat menjadi rendah. Oleh itu, isu ini patut diberi perhatian sewajarnya.

Perbincangan

RUU berkaitan dengan perkara ini perlu memberikan perlindungan pada rakyat jelata dan adil kepada pemegang taruh terutama anggota-anggota PDRM kerana cadangan RUU ini memberi kesan terhadap mereka. Tidak dinafikan, RUU versi tahun 2005 yang dicadangkan melalui Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan RUU IPCMC 2019 dilihat bersifat tidak adil kepada PDRM sehingga satu *Police Bill of Rights* dicadangkan bagi memastikan hak-hak dan keadilan dapat diberikan kepada anggota-anggota PDRM. Sebagai contoh, diberi hak untuk didengar, hak untuk diwakili peguam, hak untuk maklumat pertuduhan dinyatakan secara jelas dalam notis pertuduhan dan hak untuk dibekalkan apa-apa dokumen yang akan digunakan terhadapnya dalam prosiding tatatertib.

Polemik berkenaan perkara ini boleh dielakkan jika Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan atau *National Policy on Good Regulatory Practice* (NPGRP)¹⁶ diguna pakai semasa proses penggubalan RUU ini. Namun, dasar ini mempunyai satu pengecualian kerana sebarang draf cadangan baru atau pindaan peraturan yang berkaitan dengan keselamatan dan kedaulatan negara dikecualikan daripada pemakaian Pekeliling Am ini. NPGRP ini memerlukan satu Analisis Impak Peraturan atau RIA dilaksanakan. Tujuan RIA adalah untuk meningkatkan kualiti dasar dan peraturan melalui analisis cadangan peraturan yang teliti, mantap dan menyatakan kos serta faedah; Menilai masalah melalui opsyen status quo, peraturan atau bukan peraturan; dan Memastikan penyelesaian dasar tertentu dapat menghasilkan keputusan yang dikehendaki.¹⁷

NPGRP mempunyai satu perbezaan dengan Dasar Negara bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan (NPDIR) 2013¹⁸ kerana dasar ini memperlihatkan penggunaan *Behavioural Insights* atau pandangan tingkah laku sebagai satu daripada alat pengurusan Amalan Baik

16 Lihat 'Dasar Negara Bagi Amalan Baik Peraturan (NPGRP)' <https://www.jpm.gov.my/images/PDF/pekeliling_am/2021_-_PA_BIL_1_-_Dasar_Negara_Bagi_Amalan_Baik_Peraturan_NPGRP.pdf> dicapai 20 April 2022.

17 Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang (n 2).

18 Lihat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2013. Dasar Negara Bagi Pembangunan Dan Pelaksanaan Peraturan <https://www.jpm.gov.my/images/PDF/pekeliling_am/Surat_Pekeliling_Am_Bil_1_Tahun_2013.pdf> dicapai 20 April 2022.

Peraturan. *Behavioural Insights* dibangkitkan kerana berdasarkan Isu-Isu Semasa Prosiding Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang Mengenai RUU IPCMC 2019 menyentuh perkara berkenaan dengan kebajikan anggota PDRM yang melaksanakan tugas dalam keadaan serba kekurangan yang meliputi aspek perjawatan, kelengkapan logistik dan kuarters.

Oleh itu, Kerajaan hendaklah menambah baik aspek kesejahteraan dan kebajikan anggota PDRM terlebih dahulu sebelum IPCMC dilaksanakan. Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang telah mengesyorkan agar Kerajaan menyediakan peruntukan kewangan yang sewajarnya untuk meningkatkan fasiliti, logistik dan kebajikan seperti pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di lokap, pemakaian kamera badan (*body worn camera*) dan kenderaan pasukan PDRM. Jika kebajikan dititikberatkan, secara tidak langsung, perkara ini akan membangkitkan semangat anggota-anggota PDRM untuk berkhidmat dengan lebih baik serta isu-isu berkaitan dengan salah laku akan berkurangan.

Impak IPCC 2020

Penubuhan sebuah Suruhanjaya khusus yang dicadangkan seperti IPCMC 2019 dan IPCC 2020 boleh mengelakkan dakwaan penyiasatan secara tidak telus dan berat sebelah oleh pasukan PDRM dan secara tidak langsung boleh meningkatkan keyakinan orang awam untuk melaporkan salah laku kepada Suruhanjaya berkenaan. Penubuhan Suruhanjaya ini juga boleh digunakan sebagai platform untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan anggota PDRM. Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang juga bersetuju dan mengesyorkan Kerajaan menyediakan jumlah perjawatan dan kemudahan yang bersesuaian, peruntukan kewangan untuk latihan yang berterusan bagi membolehkan fungsi dan kuasa IPCMC dijalankan secara efektif.

Kesimpulan

Kedua-dua RUU yang digubal bagi penubuhan suatu badan pemantau bebas bagi menangani salah laku dalam kalangan anggota pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta menambah baik operasi serta pengurusan PDRM telah mengundang kontroversi kerana penggubalan rang undang-undang tersebut tidak memenuhi hak, syor serta aspirasi sesetengah pihak. Pengamatan dan sorotan yang dilaporkan melalui media memperlihatkan RUU IPCC ini seolah-olah RUU yang baharu atau *a fresh bill*. Namun, jika diamati, RUU IPCC ini merupakan RUU

IPCCM kerana telah ditambah baik dengan memasukkan beberapa pindaan, hasil daripada input yang diperoleh daripada pemegang taruh yang berkenaan. Tiga puluh rumusan yang dikemukakan melalui Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 kebanyakannya menjawab polemik-polemik yang dibangkit.

Naratif yang dimainkan oleh pihak media melalui laman web mereka sendiri atau penerbitan artikel di laman web tertentu juga memainkan peranan dalam isu ini. Namun, naratif yang dimainkan condong ke arah negatif. Oleh itu, pihak Kementerian yang bertanggungjawab iaitu Kementerian Dalam Negeri disarankan untuk memantau dan mengawal naratif berkenaan dengan RUU ini. Pada masa yang sama terdapat beberapa penambahbaikan yang boleh dipinda dalam RUU IPCC 2020 ini bagi menjadikannya benar-benar membawa aspirasi yang dinyatakan dalam Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia serta keperluan semasa.

Rujukan

‘New’ IPCC an attempt to mislead Malaysia’ (*ALIRAN*, 3 September 2020) <<https://m.aliran.com/civil-society-voices/new-ipcc-an-attempt-to-mislead-malaysia>> dicapai 20 April 2022.

‘Dasar Negara Bagi Amalan Baik Peraturan (NPGRP)’ <https://www.jpm.gov.my/images/PDF/pekeliling_am/2021_-_PA_BIL_1_-_Dasar_Negara_Bagi_Amalan_Baik_Peraturan_NPGRP.pdf> dicapai 20 April 2022.

‘Lebih 100 Undang-Undang Akan Digubal, Pinda, Perbaharui Atau Mansuh’ *BERNAMA* (23 Januari 2019) <<https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1687925>> dicapai 20 April 2022.

Abdul Karim L.A., ‘IPCC tampil kelainan berbanding IPCCM’ *BH Online* (26 Ogos 2020) <<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/08/724825/ipcc-tampil-kelainan-berbanding-ipccm>> dicapai 20 April 2022.

Akta Polis 1967 [Akta 344].

DR Deb 17 Oktober 2019, Bil 33, 111 <<https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-07102019.pdf>>.

Human Rights Watch, 'Malaysia: Proposed Law Reverses Police Reforms' (*Human Rights Watch*, 28 Oktober 2020) <<https://www.hrw.org/news/2020/08/28/malaysia-proposed-law-reverses-police-reforms>> dicapai 20 April 2022.

Input Penyelidikan berkenaan Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 (RUU IPCMC) vs Rang Undang-undang (RUU) Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) dan Perbandingan Dengan The Independent Office for Police Conduct (IOPC) United Kingdom & Wales & The Independent Police Complaints Council (IPCC) Hong Kong <<http://e-prs.parlimen.gov.my/eprs/research/download/337>>.

Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang, *Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis* (DR 2018-2023, DR.10/2019) <<https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2019-11-27/DR.10.2019%20-%20DR.10%20Tahun%202019%20-%20Laporan%20Jawatankuasa%20Pilihan%20Khas%20Menimbang%20Rang%20Undang-Undang%20Suruhanjaya%20Bebas%20Aduan%20Salah%20Laku%20Poli.1.pdf>> dicapai 20 April 2022.

Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan Dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia, 2005.

Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2013. Dasar Negara Bagi Pembangunan Dan Pelaksanaan Peraturan <https://www.jpm.gov.my/images/PDF/pekeliling_am/Surat_Pekeliling_Am_Bil_1_Tahun_2013.pdf> dicapai 20 April 2022.

Perlembagaan Persekutuan.

Rang Undang-undang (RUU) Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (RUU IPCC 2020).

Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 (RUU IPCMC 2019).

SUHAKAM, 'Media Statement Human Rights Commission Of Malaysia' (*SUHAKAM*, 27 Ogos 2020) <<https://suhakam.org.my/2020/08/press-statement-no-24-of-2020-suhakam-expresses-its-concerns-on-the-ipcc-bill-2020/>> dicapai 28 Ogos 2020.